

Surat Kami : 100-UiTM(NC 6/2/1)
Tarikh : 15 Jun 2021

Kepada Semua

Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Penolong Naib Canselor
Rektor UiTM Cawangan/Dekan Fakulti
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit/ Staf dan Pelajar
Universiti Teknologi MARA

آلسلام عليكم ورحمةآلله وبركاته dan selamat sejahtera

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan

PELAKSANAAN PENGOPERASIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI STAF DAN PELAJAR

Surat Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(27) bertarikh 14 Jun 2021 dirujuk.

2. YB Menteri Kanan Pertahanan dalam kenyataan media pada 11 Jun 2021 memaklumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0/ Fasa 1 disambung untuk tempoh dua (2) minggu berkuat kuasa pada 15 Jun sehingga 28 Jun 2021.

3. Selaras dengan pengumuman tersebut, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Khas pada 14 Jun 2021 berkeputusan arahan terdahulu seperti yang dinyatakan berikut adalah **kekal dan masih diguna pakai** kepada semua staf dan pelajar UiTM:

- i. Pekeliling Naib Canselor Bil. 8 Tahun 2021: Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Pelajar Di Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1-14 Jun 2021;
- ii. Pekeliling Naib Canselor Bil. 9 Tahun 2021: Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Staf Di Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1 – 14 Jun 2021;
- iii. Prosedur Operasi Standard (SOP) AM PKP dan SOP PKP Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang dikeluarkan melalui surat JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(25) bertarikh 8 Jun 2021; dan
- iv. Surat Kebenaran Bertugas Di Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama bertarikh 9 Jun 2021

Universiti Teknologi MARA

Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 5544 2500 / 2233
Faks: (+603) 5544 3210



Surat Kami : 100-UiTM(NC 6/2/1)
Tarikh : 15 Jun 2021

4. Semua warga UiTM diminta menjaga integriti dan bekerjasama dalam memutuskan rantaian wabak COVID-19 demi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih. والسلام

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar



PROFESOR Ts. DR HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan Fungsi Naib Canselor